

25 JAN 2001

Mahathir-Melayu

MELAYU M'SIA TIDAK KURANG HEBAT, KATA DR MAHATHIR

JITRA, 25 Jan (Bernama) -- Orang Melayu di Malaysia tidak kurang kebolehan mereka dengan mendapat pekerjaan yang hebat sepertimana yang diperolehi oleh kaum lain, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata orang Melayu di negara ini ada yang menjadi panglima angkatan tentera, profesor, juruterbang, peguam dan ketua pegawai eksekutif di syarikat gergasi milik bangsa asing.

"Ini menunjukkan orang Melayu berkebolehan. Ada orang Melayu jadi juruterbang pesawat (Boeing) 747 dan pelbagai jawatan profesional lain," katanya kepada pemberita selepas majlis AidilFitri di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong baru-baru ini yang mendakwa kedudukan orang Melayu di negara berkenaan lebih baik berbanding Melayu di Malaysia.

Dr Mahathir berkata beliau percaya tiada siapa akan menganggap orang Melayu di negara ini lemah otak dan tidak berupaya melakukan dan membuat sesuatu untuk kepentingan mereka.

"Kita tak nampak keadaan serupa itu di Malaysia. Saya tak nak komen Melayu di Singapura. Itu masalah di negara mereka. Saya tak nak buat perbandingan.

"Itu dia (Goh) punya perbandingan. Dia punya hal, saya tak peduli, dia boleh kata apa pun," katanya.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia berhak membuat reaksi berhubung kenyataan Goh itu.

Ditanya adakah kenyataan itu bakal merenggangkan hubungan antara kedua-dua negara, Perdana Menteri berkata ia adalah perkara biasa di mana hubungan kedua-dua negara kadang-kadang baik dan kadang-kadang tidak begitu baik.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata beliau telah memberi nasihat supaya Pusat Asasi Sains Universiti Malaya (UM) yang ditubuhkan pada 1977 terus dibuka.

"Saya telah beri nasihat supaya ia terus dibuka," katanya.

Pusat itu ditubuhkan untuk membantu meningkatkan pencapaian pelajar Melayu dalam bidang sains pada peringkat pra universiti dan akan ditutup April ini.

Cadangan penutupan itu bukan sahaja mendapat bantahan daripada para pensyarah sedia ada, malah oleh bekas pelajar serta cendekiawan dan tokoh politik negara.

-- BERNAMA

MAN AKD